

29/08/2003

Koleksi minda PM sesuai jadi panduan

DUNGUN: Penuntut Universiti Teknologi Mara (UiTM) diminta menghayati buku koleksi minda Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang boleh menjadi panduan membentuk pemikiran kritis.

Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Seri Dr Ibrahim Abu Shah, berkata buku itu mengandungi pelbagai pengalaman dan pemikiran Perdana Menteri dalam mentadbir negara.

Katanya, buku yang banyak memaparkan idea Perdana Menteri dalam menguruskan politik, ekonomi, perhubungan luar, termasuk dari aspek agama itu boleh dijadikan panduan pelajar menjadi penyambung inspirasi negara.

"Sekiranya penuntut dapat menghayati buku berkenaan, saya percaya UiTM akan dapat melahirkan ramai pelajar Melayu yang terbaik dan cemerlang," katanya selepas majlis penyerahan Buku Terjemahan Koleksi Minda YAB Perdana Menteri di UiTM Dungun, di sini, semalam.

Hadir sama Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Idris Jusoh dan Timbalan Pengarah UiTM Dungun, Prof Madya Tengku Yussof Tengku Mahmud.

Ibrahim berkata, penuntut perlu menimba pengalaman daripada buku itu yang sarat dengan pengalaman Perdana Menteri untuk memajukan negara.

Katanya, buku itu akan dijadikan sebagai mata pelajaran akademik dan akan dilakukan serentak di semua kampus UiTM, mulai tahun depan.

Beliau berkata, setakat ini 7,000 naskhah dibeli dan diletakkan di 14 perpustakaan kampus UiTM bagi kemudahan kepada pelajar dan pensyarah.

"Kita mahukan penuntut UiTM menjadi pelajar yang cemerlang termasuk berfikiran global dan seterusnya dapat menjadikan UiTM sebagai sebuah universiti bertaraf dunia," katanya.